



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Security*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**  
**62628 PUTRAJAYA**  
**MALAYSIA**

☎ 03-8870 4426  
✉ ukk@dof.gov.my  
🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(137)

## SIARAN MEDIA

### DOF DAN UM WUJUDKAN KERJASAMA PENYELIDIKAN IKAN ASLI

**KUALA LUMPUR, 18 JULAI 2024** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) melaksanakan program pelepasan 36,600 ekor benih spesies ikan asli di Tasik Varsiti, UM sebagai inisiatif bagi meningkatkan populasi dan memulihara kepelbagaian biodiversiti perikanan darat di Kuala Lumpur. Benih spesies ikan asli tempatan yang dilepaskan adalah ikan lampam sungai, ikan terbul, ikan kerai, ikan baung dan 24 ekor induk kelah bernilai RM 24,200.00.

Tuan Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) berkata berdasarkan kajian inventori yang dijalankan oleh Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya dengan kerjasama Pusat Pembangunan Lestari Universiti Malaya (UMSDC), Water Warriors, Pusat Sukan dan Jabatan Harta Benda UM pada Mei lalu mendapati empat spesies ikan asli yang berjaya dikenal pasti di Tasik Varsiti ialah ikan lampam sungai, ikan ketutu, ikan kelah dan ikan kerai.

“Berdasarkan hasil inventori serta keadaan persekitaran tasik yang bersih dan terkawal, DOF bersama UM bersetuju menjadikan tasik ini sebagai bank penyelidikan ikan asli sebagai langkah konservasi bagi mengekalkan kemampanan spesies tersebut di perairan Kuala Lumpur yang seterusnya dapat dikembangkan ke dalam sektor perikanan akuakultur negara,” ujarnya.

Jelas beliau lagi, program pelepasan ikan asli ini wajar dipergiat agar dapat memberi pendedahan kepada pelajar di dalam universiti ini juga orang awam berkenaan kepentingan menjaga ikan asli di perairan umum serta memupuk kesedaran mengenai tanggungjawab memastikan perairan tidak tercemar.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

Sementara itu, Profesor Ir. Dr. Kaharudin Dimiyati, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaya berkata, UM sebagai salah satu universiti penyelidikan di negara ini, sentiasa berusaha untuk menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi.

"Penyelidikan berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti di Tasik Varsiti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti akademik, tetapi juga kepada masyarakat umum. Ia memberikan peluang kepada para penyelidik dan pelajar kita untuk terlibat secara langsung dalam usaha-usaha pemuliharaan, sambil memperkaya pengetahuan dan kemahiran bersama.

"Universiti Malaya sebagai institusi pendidikan tinggi awam di dalam kategori kampus bandar, menyambut baik inisiatif yang dipacu Jabatan Perikanan Malaysia untuk mengangkat peranan dan fungsi Tasik Varsiti Universiti Malaya sebagai salah satu bank spesies ikan tempatan induk bagi perairan zon Kuala Lumpur," katanya.

Pada program yang sama turut diadakan pameran sektor perikanan darat berkenaan peralatan-peralatan yang dilarang, spesies-spesies ikan yang dibenarkan dan dilarang dilepaskan di perairan umum. Selain itu, pameran berkenaan sejarah dan aktiviti yang dijalankan di Tasik Varsiti UM turut dipamerkan.

Hadir sama ke program, Dr. Muhammad Azzam Ismail, Pengarah Eko Kampu Pusat Pembangunan Lestari UM, Tuan Haji Bakri bin Miswan, Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan DOF dan Puan Suhanah binti Kassiron Pengarah Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)

18 Julai 2024